

04/08/2000

YPEIM berjaya tingkat ekonomi Melayu miskin

Hatipah Ahmad

PADA 20 Julai lalu, genaplah 16 tahun usia Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) selepas ia digerakkan semula oleh kerajaan agar memainkan peranan lebih luas dalam membantu meningkatkan ekonomi Melayu miskin.

Walaupun YPEIM ditubuhkan pada 1976, ia sebelumnya dikatakan gagal melaksanakan tugasnya sebagai penggerak pembangunan ekonomi Melayu. Keputusan kerajaan agar YPEIM mempunyai peranan baru akhirnya berjaya membantu meningkatkan ekonomi Melayu.

Ini kerana sepanjang tempoh badan itu digerakkan semula pada 1984, YPEIM yang mempunyai aset sifar kini mempunyai aset bernilai kira-kira RM300 juta dan aset bersih hampir RM100 juta.

Malah, hasrat badan itu menjadikan budaya amal jariah di kalangan masyarakat sebagai asas untuk membantu golongan Melayu miskin mendapatkan modal awal perniagaan atau pendidikan berjaya menampakkan perkembangan memberangsangkan.

Ketua Pengarah YPEIM, Abdul Malek Awang Kechil, berkata inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya YPEIM memperluaskan konsep Budaya Beramal Jariah berjaya membawa badan itu melalui pelbagai perkembangan menarik.

Katanya, daripada institusi yang dianggap statik dan hanya bersandar kepada nama sepanjang tempoh 1976 hingga 1984, kini YPEIM menjadi salah sebuah institusi cergas dalam aktiviti peningkatan ekonomi ummah.

Sejak 1984, perkembangannya semakin rancak dan mempunyai pendekatan ke arah melaksanakan program lebih terancang dan dimantapkan dengan pelaksanaan misi Pembudayaan Amal Jariah di kalangan masyarakat.

Bagi tempoh 1984 hingga 1993, YPEIM menjalani pembangunan peringkat pertama di mana programnya lebih bersifat dana amal jariah dan melaksanakan beberapa program yang proaktif kepada masyarakat.

Selepas 1993 hingga sekarang, iaitu pada fasa kedua, programnya lebih agresif dan ada sebahagiannya yang sudah diinstitusikan.

"Antaranya ialah program ar-rahnu (pajak gadai emas Islam) yang dikembangkan dengan pendekatan lebih tersusun dan beroperasi dengan kerjasama Bank Rakyat. Ia adalah alternatif lebih baik daripada pajak gadai konvensional kerana mengenakan faedah rendah," katanya.

Abdul Malek berkata, antara program YPEIM yang berkesan membantu ekonomi Melayu ialah ar-rahnu kerana ia memberi bantuan kewangan dengan mengambil emas sebagai cagaran, pembasmian kemiskinan lain menerusi Skim Pembiayaan Ikhtiar dan Skim Amanah Niaga Bandar.

Skim Pembiayaan Ikhtiar yang kini diteruskan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menyediakan kemudahan pembiayaan kepada keluarga termiskin di luar bandar dan memberi bantuan kewangan kepada mereka untuk terbabit dalam kegiatan ekonomi secara kecil-kecilan.

Sehingga kini, ada kira-kira 60,000 keluarga miskin sudah mendapat faedah bantuan daripada program ini.

Pada masa yang sama, katanya, YPEIM menubuhkan beberapa pusat khidmat untuk mengembangkan program Skim Amanah Niaga Bandar dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Bhd, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Baitulmal serta Kementerian Pembangunan Usahawan.

Selain itu, katanya, produk sosial lain ialah Skim Usaha Niaga Perintis yang mendapat sambutan baik di Kelantan dan Pahang serta Skim Peniaga-Peniaga Kecil Berdaya Maju yang membantu usahawan dari segi kemudahan

perniagaan bukan modal.

Menurut Abdul Malek, pembabitan YPEIM dalam pelaburan bermula pada 1985 sejak Dana Amal Jariah digerakkan. Antara bidang yang disertai menerusi Permodalan YPEIM (agensi pelaburan utama) ialah bidang perkhidmatan (kewangan dan pelancongan) dan hartanah (pembangunan hartanah).

Katanya, pelaburan itu perlu mempunyai beberapa elemen seperti unsur tanggungjawab syarak atau berunsur amal jariah. Contoh pelaburannya dalam ar-rahnu berjaya mencapai lebih 400,000 pelanggan.

Walaupun usia YPEIM selepas digerakkan semula masih baru, hakikatnya ia berjaya muncul sebagai sebuah badan popular dan menjadi sebutan di kalangan golongan berpendapatan rendah.

(END)